



BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI



Untuk maklumat lebih lanjut, sila berhubung dengan Pegawai Farmasi anda...

Di Talian: 086-255 899 Ext: 4306



Disediakan oleh:  
Farmasi Klinik Pakar  
Hospital Bintulu



**Kami Sedia Membantu**  
Penyayang • Profesionalisme • Kerja Berpasukan



## APA ITU UMP ?

Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) ialah perkhidmatan pembekalan ubat susulan melalui Poslaju ke lokasi pilihan anda seluruh Malaysia. Perkhidmatan UMP boleh diperolehi di semua Hospital Utama negeri seluruh Malaysia.

Faedah UMP:	Cara mendapatkan UMP?
<ul style="list-style-type: none"> <li>-Ubat dihantar terus ke lokasi pilihan</li> <li>-Jaminan kesinambungan bekalan ubat</li> <li>-Selesaikan masalah ke-suntukan masa</li> <li>-Jimat kos perjalanan</li> <li>-Tiada masalah meletakkan kenderaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Pergi ke kaunter farmasi bagi mendapatkan borang tawaran UMP</li> <li>-Semak criteria UMP</li> </ul>

## KRITERIA UMP:

### Pesakit

- Patuh dan faham terapi pengubatan
- Memahami cara penggunaan ubat
- Stabil

### Ubat

- Bentuk dos jenis tablet/kapsul
- Bukan jenis ubat psikotropik
- Tidak sensitive kepada perubahan suhu dan kelembapan

### Preskripsi

- Penyakit kronik
- Bekalan ubat kali pertama di kaunter farmasi
- Tempoh melebihi 1 bulan

## Kadar:

### Caj Kiriman Poslaju ke Seluruh Malaysia

Kawasan Penghantaran		Caj (RM)	
Dari kawasan	Ke Kawasan	< 500 gram	< 1000 gram
Semenanjung Malaysia	Semenanjung Malaysia	RM5	RM6
Sabah/Sarawak	Sabah/Sarawak	RM5	RM6
Semenanjung Malaysia	Sabah/Sarawak	RM8	RM10
Sabah/Sarawak	Semenanjung Malaysia	RM8	RM10

## SOALAN LAZIM (FAQ)

1. Adakah perkhidmatan ini wajib untuk semua pesakit yang mengambil ubat di kaunter Farmasi?

Perkhidmatan ini merupakan pilihan bagi pesakit untuk memudahkan mereka mendapatkan bekalan ubat susulan tanpa perlu datang ke kaunter farmasi.

2. Berapakah kos yang perlu ditanggung jika menggunakan perkhidmatan ini?

la bergantung kepada destinasi dan berat kiriman ubat yang dihantar. Sila rujuk Jadual Kadar UMP .

3. Bagaimana dengan cara pembayaran?

Pembayaran boleh dibuat secara tunai selepas kiriman ubat diterima (Cash on Delivery)

4. Di mana kiriman ubat boleh dihantar?

Kiriman ubat boleh dihantar mengikut lokasi pilihan pesakit sama ada di rumah ataupun di pejabat.

5. Apakah tindakan yang harus dibuat jika ubat yang diterima melalui kiriman pos tidak sama dengan ubat yang diambil di kaunter farmasi?

→ Pesakit diminta merujuk perkara ini kepada Pegawai Farmasi di hospital yang membuat penghantaran kiriman ubat berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut.

